

22 MAY 2001

Salleh-Cina

UMNO SABAH BERSIKAP TERBUKA BERHUBUNG ISU KEANGGOTAAN CINA

KOTA KINABALU, 22 Mei (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Salleh Tun Said berkata Umno negeri bersikap terbuka dengan penjelasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berhubung penerimaan bekas anggota Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) daripada kaum Cina ke dalam parti itu.

Salleh, yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno, berkata Umno negeri secara prinsipnya menerima semua anggota bekas Akar yang dibubarkan dua hari lepas.

"Kita terima secara prinsipnya oleh kerana apabila Akar dibubarkan mereka memohon menyertai Umno dan dalam keahlian mereka terdapat juga yang berketurunan Cina.

"Kalau kita kaji pun antara mereka ini ada juga keturunan Sino yang memang tiada masalah untuk diterima dalam Umno," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai penjelasan Dr Mahathir semalam mengenai isu masyarakat Cina Sabah menyertai Umno.

Dr Mahathir dalam penjelasannya berkata penerimaan kaum itu ke dalam Umno hanya terhad kepada bekas anggota Akar.

Salleh juga berkata pembubaran Akar dan kemasukan anggotanya ke dalam Umno akan membantu mengukuhkan lagi kedudukan parti itu di negeri ini.

Mengenai mesyuarat Umno bahagian Silam, beliau berkata mesyuarat majlis tertinggi parti semalam memutuskan supaya bahagian itu bermesyuarat semula.

Kekeliruan mengenai kedudukan sebenar mesyuarat di bahagian itu timbul ekoran pengantungan mesyuarat berkenaan pada 29 April selepas didapati undi yang diterima melebihi jumlah perwakilan yang didaftarkan hadir pada mesyuarat itu.

Seorang calon ketua bahagian, Datu Nasron Datu Mansur baru-baru ini turut mendakwa menerima surat pengesahan daripada ibu pejabat Umno yang mengiktiraf kemenangan beliau sebagai ketua bahagian.

Tiga orang bertanding jawatan ketua bahagian, termasuk bekas Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Railey Jeffrey dan penyandang sekarang, Datuk Yusof Amat Jamlee.

-- BERNAMA

JS AKD